

Soalan No: 29

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]

**TARIKH :** 8.11.2017

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada tindakan tatatertib akan diambil terhadap pihak pengurusan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya yang baru-baru ini membenarkan aktiviti-aktiviti politik dijalankan di premisnya iaitu menyanyi lagu rasmi UMNO semasa waktu sekolah dan sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program yang dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang bertemakan sambutan kemerdekaan negara ke-60. Program tersebut bertujuan melahirkan murid yang peka akan sejarah perjuangan kemerdekaan negara, menghargai peranan pemimpin dan pertubuhan siasah yang terlibat serta memupuk semangat patriotik. Pengisian aktiviti dalam program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

RJM41